



جاہن اکام اسلام فتح

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19
BAGI PELAKSANAAN AKTIVITI PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU,
PENGURUSAN JENAZAH BUKAN PESAKIT COVID-19 DAN
PENGURUSAN NIKAH, CERAI DAN RUJUK
SELURUH NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) mengambil maklum dan perhatian mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKP) seluruh Negeri Pahang yang berkuatkuasa bermula **22 Januari sehingga 04 Februari 2021**.

Selaras dengan kenyataan tersebut, pelaksanaan aktiviti di masjid dan surau seluruh Negeri Pahang **HENDAKLAH** mematuhi arahan seperti yang berikut :

1. SOLAT JUMAAT

- 1.1 Pelaksanaan solat Jumaat dengan bilangan wajib Jumaat seramai 40 orang atau lebih sebagaimana *Qaul Muktamad* Mazhab Syafie di Negeri Pahang.
- 1.2 Jemaah **DIBENARKAN** hadir solat Jumaat berdasarkan kapasiti ruang solat yang dibuka oleh pihak Masjid Negeri, Masjid Daerah, Masjid Kariah dan Surau Kebenaran Jumaat.
- 1.3 Jemaah yang **TIDAK DIBENARKAN** adalah seperti yang berikut :
 - i. Mereka yang bergejala; dan
 - ii. Kanak-kanak berumur kurang 12 tahun.
- 1.4 Kaedah penentuan kehadiran jemaah adalah secara terbuka (*walk in*) dan jemaah **WAJIB** mengimbas suhu badan dan merekod kehadiran melalui QR Code MySejahtera dan Moveon (PhgGo) sahaja yang disediakan di pintu-pintu masuk.
- 1.5 Bagi mereka yang tidak dapat menunaikan solat Jumaat di masjid, **WAJIB DIGANTIKAN** dengan solat zohor.
- 1.6 Jemaah **WAJIB** membawa sejadah sendiri bersaiz besar, mematuhi penjarakan fizikal (*physical distancing*) dan memakai pelitup muka (*face mask*) dengan sempurna sepanjang berada di masjid termasuk ketika mendirikan solat.
- 1.7 Imam **HENDAKLAH** membaca surah yang ringkas di dalam solat, memendekkan bacaan wirid dan doa selepas solat.

- 1.8 Jemaah **HENDAKLAH** masuk dan keluar dari masjid dengan teratur dan dilarang mengadakan perkumpulan kecil.
- 1.9 Pentadbir masjid **HENDAKLAH** menyediakan ruang solat khas bagi jemaah yang keluar dari Negeri Pahang atau yang masuk ke Negeri Pahang.
- 1.10 Jemaah berikut **WAJIB** menggunakan ruang solat khas dalam tempoh 10 hari :
 - i. Mana-mana individu yang bermusafir keluar dari Negeri Pahang dan kembali semula ke Negeri Pahang.
 - ii. Mana-mana individu yang bermusafir dari luar Negeri Pahang.

2. SOLAT FARDHU :

- 2.1 Jemaah yang **TIDAK DIBENARKAN** adalah seperti yang berikut :
 - i. Mereka yang bergejala ; dan
 - ii. Kanak-kanak berumur kurang 12 tahun.
- 2.2 Jemaah **WAJIB** membawa sejadah sendiri bersaiz besar, mematuhi penjarakan fizikal (*physical distancing*) dan memakai pelitup muka (*face mask*) dengan sempurna sepanjang berada di masjid termasuk ketika mendirikan solat.
- 2.3 Jemaah **WAJIB** mengimbas suhu badan dan merekod kehadiran melalui QR Code MySejahtera dan Moveon (PhgGo) sahaja yang disediakan di pintu-pintu masuk.
- 2.4 Jemaah **DILARANG** berganjak atau berubah tempat duduk semasa melaksanakan amalan sunat selepas waktu solat fardhu Maghrib sehingga Isyak.
- 2.5 Jemaah berikut **WAJIB** menggunakan ruang solat khas yang disediakan oleh pentadbir masjid/surau dalam tempoh 10 hari :
 - i. Mana-mana individu yang bermusafir keluar dari Negeri Pahang dan kembali semula ke Negeri Pahang.
 - ii. Mana-mana individu yang bermusafir dari luar Negeri Pahang.

3. AKTIVITI PENGAJIAN ILMU

- 3.1 Aktiviti pengajian ilmu hanya **DIBENARKAN** di masjid sahaja selepas solat Subuh dan antara waktu Maghrib dan Isyak sahaja.
- 3.2 Jemaah **DILARANG** berganjak atau berubah tempat duduk semasa mengikuti pengajian ilmu. (Kuliah akan dibatalkan jika berlaku)
- 3.3 Jamuan selepas aktiviti pengajian ilmu **TIDAK DIBENARKAN.**
- 3.4 Penceramah dari luar Negeri Pahang **TIDAK DIBENARKAN.**

4. MAJLIS AKAD NIKAH

Majlis akad nikah adalah **TIDAK DIBENARKAN** di masjid dan surau.

5. PENGURUSAN JENAZAH BUKAN PESAKIT COVID-19

- 5.1 Pengurusan jenazah dibuat di dalam bilik atau tempat yang dikhaskan dengan bilangan pengendali berdasarkan keluasan ruang setelah mengambil kira penjarakan fizikal (*physical distancing*) dalam satu masa.
- 5.2 Semua yang hadir **HENDAKLAH** memakai pelitup muka (*face mask*) dengan sempurna dan merekodkan kehadiran yang ditetapkan oleh pentadbir masjid/surau.
- 5.3 Solat jenazah **DIBENARKAN** dilaksanakan di ruang solat masjid/surau dengan mematuhi peraturan ditetapkan dan dilaksanakan dalam penjarakan fizikal (*physical distancing*)
- 5.4 Semua yang hadir **WAJIB** mematuhi penjarakan fizikal ketika berada di masjid/surau dan tanah perkuburan.
- 5.5 Bacaan talkin dan tahlil ringkas sahaja dibenarkan selepas pengebumian dan bersurai dengan segera setelah selesai.

6. TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA MASJID/SURAU

- 6.1 Pihak masjid/surau hendaklah tegas dalam melaksanakan SOP ini. Adalah disaran untuk mendapatkan perkhidmatan RELA atau mana-mana kaedah yang difikirkan sesuai untuk mematuhi SOP ini.
- 6.2 Peringatan kepada pematuhan SOP hendaklah disampaikan oleh pentadbir masjid/surau setiap kali sebelum pelaksanaan solat.
- 6.3 Pihak masjid/surau hendaklah mensanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan tempat wuduk sekerap mungkin.
- 6.4 Pihak pentadbir masjid/surau hendaklah meletakkan notis/peringatan penguatkuasaan pelaksanaan SOP di lokasi yang mudah dilihat oleh Jemaah.

7. PENGURUSAN NIKAH, CERAI DAN RUJU'

7.1 Kursus Pra Perkahwinan Islam

Penganjuran Kursus Pra Perkahwinan dan Taklimat Khas Perkahwinan (TKP) secara bersemuka adalah **ditangguhkan**. Peserta dibenarkan

mengikuti Kursus Pra- Perkahwinan secara “online” yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang telah dibenarkan oleh Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri lain.

7.2 Perkhidmatan Kaunter Pejabat Agama Islam Daerah

Segala urusan berkaitan Nikah Cerai dan Rujuk seperti Permohonan Kebenaran Berkahwin, Pengambilan Sijil/Kad Perakuan Nikah, Permohonan Carian/Salinan, Pendaftaran Nikah, Cerai dan Rujuk, Permohonan Khidmat Nasihat dan lain-lain urusan melalui perkhidmatan kaunter adalah **dibenarkan** secara **bersemuka** atau secara kaedah **temujanji** jika ditetapkan oleh Al-Fadhil Qadhi Daerah. Majlis Rujuk dan Pendaftaran Rujuk hendaklah diutamakan kerana melibatkan tempoh luput masa (Iddah).

7.3 Permohonan Kebenaran Berkahwin

Permohonan Kebenaran Berkahwin Dalam Negeri adalah **dibenarkan**. Manakala Permohonan Kebenaran Berkahwin Luar Negeri dan Luar Negara adalah **ditangguhkan**.

7.4 Khidmat Nasihat Kekeluargaan

Perkhidmatan Khidmat Nasihat secara bersemuka adalah **ditangguhkan** dan digantikan dengan Khidmat Nasihat secara atas talian.

7.5 Majlis Akad Nikah Pasangan Pengantin Dalam Negeri Pahang

- i) Majlis Akad Nikah bagi pasangan pengantin dalam negeri Pahang hendaklah **dilaksanakan di Pejabat Agama Islam Daerah** sahaja.
- ii) Bagi pasangan pengantin yang berlainan daerah, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan **permit/kebenaran Rentas Daerah**.
- iii) Al-Fadhil Qadhi Daerah akan menentukan giliran tempoh waktu pelaksanaan majlis akad nikah mengikut jadual yang akan disusun oleh pihak Pejabat Agama Islam Daerah dengan mengambil kira perbincangan bersama pihak pemohon.
- iv) Pemohon dan pihak-pihak yang terlibat dalam majlis akad perlulah melepasi dan mematuhi langkah-langkah keselamatan yang akan dilaksanakan di peringkat Pejabat Agama Islam Daerah sepertimana berikut :-

- a) Pemakaian mask
 - b) Melepasi ujian suhu
 - c) Penggunaan handsanitizer (penyahkuman)
 - d) Penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter)
 - e) Patuh susun atur kedudukan majlis yang ditentukan
 - f) Membuat sanitasi tempat majlis akad
- iv) Meminimakan kehadiran orang ke majlis (**tidak melebihi 8 orang**) dan hanya yang berkeperluan untuk hadir seperti :
- a) Seorang jurunikah (*Ditentukan oleh Al-Fadhil Qadhi Daerah*)
 - b) Dua orang saksi (*Ditentukan oleh Al-Fadhil Qadhi Daerah*)
 - c) Pengantin lelaki
 - d) Pengantin perempuan
 - e) Seorang Wali
- v) Tempoh masa pelaksanaan majlis akad nikah hendaklah dipendekkan dan **tidak melebihi 20 minit**. Upacara adat istiadat dalam majlis tersebut adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- vi) Semua yang hadir pada majlis akad nikah berkenaan hendaklah didaftarkan nama, alamat semasa serta nombor telefon dan diserahkan kepada Al-Fadhil Qadhi atau wakilnya. Beberapa keping gambar majlis akad nikah tersebut akan diambil oleh Pejabat Agama Islam Daerah bagi tujuan penyediaan laporan, rekod serta kemungkinan perkara-perkara berbangkit.
- vii) Manakala bagi Wali yang berada di luar negeri Pahang semasa tempoh PKP, Majlis Akad Nikah tersebut **digalakkan untuk ditangguhkan** atau boleh dilaksanakan secara **Wakalah Wali**.
- viii) **Majlis Resepsi** atau **Walimatul Urus** atau **Kenduri Kahwin** untuk Majlis Akad Nikah tersebut, hendaklah **DITANGGUHKAN**.
- ix) Mana-mana pasangan dan individu yang terlibat dengan Majlis Akad Nikah yang merentas keluar negeri Pahang dalam tempoh sepuluh hari sebelum tarikh akad, dikenakan syarat tambahan seperti berikut :-
- a) Mendapatkan **permit/kebenaran rentas daerah** serta mengemukakan ke Pejabat Agama Islam Daerah ketika menghadiri majlis akad nikah tersebut jika berlainan daerah.

- b) Mengemukakan **keputusan ujian RTK Ag Covid-19** yang dibuat dalam tempoh 72 jam dari waktu pelaksanaan majlis akad ketika memasuki Pejabat Agama Islam Daerah.
- c) Ujian RTK Ag Covid-19 boleh dilakukan di mana-mana fasiliti kesihatan kerajaan mahupun swasta (yang diiktiraf oleh KKM) di negeri atau tempat tinggal pemohon dan sebarang kos ujian tersebut adalah di bawah tanggungan pemohon.
- d) Sebarang ketidakpatuhan dari segi tempoh masa, jenis dan hasil keputusan ujian RTK Ag Covid-19 yang dilakukan, ianya boleh menyebabkan majlis akad yang ingin dilaksanakan ditangguhkan dengan kuasa Al-Fadhil Qadhi Daerah.
- x) Jika mana-mana pihak yang tidak mematuhi tatacara ini, Al-Fadhil Qadhi atau wakilnya dengan kuasa Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' Negeri Pahang, boleh menangguhkan majlis tersebut.

7.6 Majlis Akad Nikah Pasangan Pengantin Luar Negeri Pahang

- i) Majlis Akad Nikah bagi pasangan pengantin atau salah seorang pasangan pengantin yang berada di luar negeri Pahang adalah **dibenarkan** dengan syarat-syarat berikut :
 - i. Majlis akad nikah diadakan di Pejabat Agama Islam Daerah sahaja.
 - ii. Mendapatkan **permit/kebenaran rentas negeri** serta mengemukakan ke Pejabat Agama Islam Daerah ketika menghadiri majlis akad nikah.
 - iii. Mengemukakan **keputusan ujian RTK Ag Covid-19** yang dibuat dalam tempoh 72 jam dari waktu pelaksanaan majlis akad ketika memasuki Pejabat Agama Islam Daerah.
 - iv. Ujian RTK Ag Covid-19 boleh dilakukan di mana-mana fasiliti kesihatan kerajaan mahupun swasta (yang diiktiraf oleh KKM) di negeri atau tempat tinggal pemohon dan sebarang kos ujian tersebut adalah di bawah tanggungan pemohon.
 - v. Sebarang ketidakpatuhan dari segi tempoh masa, jenis dan hasil keputusan ujian RTK Ag Covid-19 yang dilakukan, ianya boleh menyebabkan majlis akad yang ingin dilaksanakan ditangguhkan dengan kuasa Al-Fadhil Qadhi Daerah.

- vi. Memaklumkan tempat/lokasi jika bermalam lebih awal daripada tarikh majlis akad dijalankan.
- vii. Kehadiran seramai tiga (3) orang sahaja terdiri daripada pengantin lelaki, pengantin perempuan dan wali.
- viii. Kembali segera ke destinasi asal sebaik sahaja selesai majlis akad tersebut.
- ix. Jika mana-mana pihak yang tidak mematuhi tatacara ini, Al-Fadhil Qadhi atau wakilnya dengan kuasa Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' Negeri Pahang, boleh menanggungkan majlis tersebut.

8. PENGUATKUASAAN

Mana-mana individu yang tidak mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dengan hukuman **DENDA** tidak melebihi **RM1,000.00** atau **PENJARA** tidak melebihi **2 tahun** atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama oleh mahkamah. Mereka yang didapati melakukan kesalahan berulang berdepan dengan hukuman yang lebih berat.

PENUTUP

JAIP sentiasa prihatin menjalankan usaha pencegahan bersama-sama pihak berwajib dalam menangani penularan wabak Covid-19. Sebarang maklumat terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

21 Januari 2021 / 08 Jamadilakhir 1442H